



UCAPTAMA

Peranan TUFS dalam Perkembangan Pendidikan Bahasa Melayu di Jepun

The Role of TUFS in the Development of Malay Language Education in Japan

Profesor Dr. Soda Naoki

*Tokyo University of Foreign Studies, Tokyo, Jepun.
3-11-1, Asahi-cho, Fuchu-shi, 183-8534 Tokyo, Jepun
soda@tufs.ac.jp*

DOI: <https://doi.org/10.37134/pambm.vol3.ucaptama.2025>

Abstrak

Di Jepun pendidikan bahasa Melayu bermula pada awal abad ke-20 dan telah berkembang maju. Perkembangan ini dapat dilihat dari sudut hubungan Jepun dengan negara-negara Asia Tenggara, terutamanya Malaysia. Tokyo School of Foreign Languages (TSFL)(1873-1885, 1899-1944), Tokyo College of Foreign Affairs (TCFA)(1944-1949) dan Tokyo University of Foreign Studies (TUFS)(1949-) memainkan peranan yang sangat penting dalam usaha membangunkan pengajaran bahasa Melayu di Jepun. Ucapan utama ini membincangkan sejarah perkembangan pendidikan Bahasa Melayu di Jepun merujuk kepada TSFL-TCFA-TUFS. Di samping itu, ucapan utama ini juga menunjukkan pencapaian TSFL-TCFA-TUFS dalam dunia pendidikan bahasa Melayu di Jepun serta cabaran yang dihadapinya.

Kata kunci: Pendidikan bahasa Melayu, Jepun, Tokyo University of Foreign Studies (TUFS)

Abstract

In Japan, Malay language education began in the early 20th century and has advanced significantly. This development can be observed through Japan's relationships with Southeast Asian countries, particularly Malaysia. The Tokyo School of Foreign Languages (TSFL) (1873-1885, 1899-1944), Tokyo College of Foreign Affairs (TCFA) (1944-1949), and Tokyo University of Foreign Studies (TUFS) (1949-present) have played crucial roles in the effort to develop Malay language teaching in Japan. This keynote address discusses the historical development of Malay language education in Japan, referencing TSFL, TCFA, and TUFS. Additionally, this address highlights the achievements of TSFL-TCFA-TUFS in the field of Malay language education in Japan as well as the challenges TUFS faces.

Keywords: Malay language education, Japan, Tokyo University of Foreign Studies (TUFS)



Pengenalan

Tokyo University of Foreign Studies (TUFS) mengalu-alukan kehadiran para peserta Persidangan Antarabangsa Memartabatkan Bahasa Melayu kali ke-8. Kami merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris kerana mengadakan PAMBM kali ke-8 di TUFS. Saya amat berbesar hati kerana diberikan peluang untuk berucap pada sesi ini.

Dalam ucap utama ini saya cuba membincangkan peranan Tokyo University of Foreign Studies (TUFS) dalam usaha mengembangkan pendidikan bahasa Melayu di Jepun. Sebelum menjejaki sejarah perkembangan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di TUFS, saya ingin memperkenalkan TUFS secara menyeluruh.

Tokyo Gaikokugo Daigaku (Universiti Bahasa Asing Tokyo) atau Tokyo University of Foreign Studies (TUFS) adalah sebuah universiti awam yang mengkhusus dalam bidang kajian bahasa dan budaya serta kajian wilayah dan antarabangsa. TUFS juga merupakan sebuah universiti global walaupun saiznya kecil. Seramai 4,436 orang pelajar TUFS terdiri daripada 3,907 orang pelajar pra-siswazah dan 529 orang pelajar pasca-siswazah termasuk 1,547 orang pelajar antarabangsa. Manakala, TUFS pula mempunyai 262 orang staf akademik termasuk 62 orang staf akademik antarabangsa serta 109 orang staf pentadbiran.

TUFS mempunyai tiga buah fakulti pra-siswazah iaitu School of Language and Culture Studies, School of International and Area Studies dan School of Japan Studies. TUFS juga menawarkan 28 program bahasa termasuk Program Bahasa Melayu dan 14 program kajian wilayah termasuk Program Kajian Asia Tenggara. TUFS juga mempunyai sebuah institut kajian pasca-siswazah yang bernama Graduate School of Global Studies. Akhir sekali, Research Institute for Languages and Cultures of Asia and Africa (ILCAA) merupakan sebuah institut penyelidikan bahasa dan budaya Asia dan Afrika.

Perkembangan Awal Pendidikan Bahasa Melayu di TSFL

Setelah mengamalkan dasar pintu tertutup kepada kebanyakan negara di dunia selama 200 tahun, kerajaan Jepun mula mengubah dasarnya, membuka pintu kepada dunia dan cuba memodenkan negara Jepun sebelum dan selepas *Meiji Ishin* (Pemulihan Meiji atau Pembaharuan Meiji) pada tahun 1868. Di bawah dasar baharu ini, kerajaan Jepun cuba memperkenalkan pendidikan moden, membangunkan perdagangan dan industri serta menguatkan kuasa ketenteraan. Dalam konteks ini, kerajaan Jepun menyedari bahawa pendidikan bahasa asing di institusi pendidikan di Jepun amat diperlukan.

Setelah penubuhan *Bansho Shirabesho* (Institut Kajian Dokumen Asing) atau Institute for Research of Foreign Documents pada tahun 1857, kerajaan Jepun membina *Tokyo Gaikokugo Gakko* (Sekolah Bahasa Asing Tokyo) atau Tokyo School of Foreign Languages (TSFL) pada tahun 1873. Pada masa itu TSFL menawarkan program bahasa Inggeris, bahasa Perancis, bahasa Jerman, bahasa Rusia dan bahasa Cina dan hanya menerima pelajar lelaki sahaja. Walaupun TSFL ini digabungkan dengan *Tokyo Shogyo Gakko* (Sekolah Perdagangan Tokyo) atau Tokyo School of Commerce (TSC) pada tahun 1885, TSFL ditubuh semula pada tahun 1899.

Dasar pembukaan Jepun kepada negara-negara Asia Tenggara menggalakkan perkembangan perdagangan antara Jepun dengan negara-negara Asia Tenggara dan migrasi orang Jepun ke negara-negara Asia Tenggara sebagai pedagang kecil, petani, pelacur dan lain-lain. Keadaan ini merupakan detik permulaan pembelajaran bahasa Melayu secara tidak rasmi di Jepun pada penghujung abad ke-19. Kerajaan Jepun memahami bahawa pendidikan bahasa Melayu di institusi pendidikan di Jepun amat diperlukan.

Oleh itu, Jabatan Bahasa Melayu dibina di TSFL pada tahun 1908. Pada waktu itu, Jabatan Bahasa Melayu menawarkan program bahasa Melayu intensif selama satu tahun sahaja. Namun, tempoh



masa pengajiannya dipanjangkan dari satu tahun ke tiga tahun pada tahun 1911 dan seterusnya menjadi empat tahun pada tahun 1927. Pada tahun 1908 antara 67 orang yang telah memohon masuk, 28 orang sahaja diterima masuk ke Jabatan Bahasa Melayu, TSFL.

Selain daripada TSFL, beberapa buah institusi pendidikan Jepun yang lain juga mula menjalankan kursus bahasa Melayu. Pada tahun 1908 *Toyo Kyokai Senmon Gakko* (Akademi Persatuan Timur) atau Oriental Association Academy (kini Takushoku University) juga menubuhkan program bahasa Melayu. Penubuhan program bahasa Melayu diikuti pula oleh *Osaka Gaikokugo Gakko* (Sekolah Bahasa Asing Osaka) atau Osaka School of Foreign Languages (kini Faculty of Foreign Studies, Osaka University) pada tahun 1921 dan *Tenri Gaikokugo Gakko* (Sekolah Bahasa Asing Tenri) atau Tenri School of Foreign Languages (kini Tenri University) pada tahun 1925.

Jabatan Bahasa Melayu TSFL menawarkan kursus-kursus bahasa dan kursus-kursus am. Sebagai contoh, pada tahun 1911 Jabatan Bahasa Melayu TSFL menawarkan kursus-kursus seperti yang berikut. Kursus Bahasa Melayu merupakan kursus bahasa asing utama bagi pelajar Program Bahasa Melayu. Tambahan lagi, pelajar juga memilih kursus Bahasa Inggeris atau kursus Bahasa Belanda sebagai kursus bahasa asing kedua. Maksudnya, pelajar yang lebih berminat dengan Tanah Melayu atau Borneo yang dijajah oleh British memilih kursus Bahasa Inggeris, sementara pelajar yang lebih berminat dengan Hindia Belanda atau Indonesia memilih kursus Bahasa Belanda sebagai kursus bahasa asing kedua. Selain daripada kursus-kursus bahasa ini, pelajar wajib mengambil kursus-kursus am seperti Pendidikan Moral, Bahasa Jepun dan Kesusasteraan Cina Tradisional serta Pendidikan Jasmani. Kursus-kursus elektif terdiri daripada kursus-kursus seperti Linguistik, Undang-Undang, Ekonomi, Undang-Undang Antarabangsa dan Pedagogi.

Selain daripada kursus-kursus ini, pelajar juga mengambil bahagian dalam pelbagai kegiatan. Amalan tradisi persembahan drama di TSFL bermula pada tahun 1900. Pelajar Jabatan Bahasa Melayu juga mempersembahkan drama Melayu di Pesta tahunan TSFL yang dipanggil *Gogaku Taikai* atau *Gogeki Taikai*.

Tenaga Pengajar Jabatan Bahasa Melayu Di TSFL dalam Tahun-Tahun Awal

Tenaga pengajar Jabatan Bahasa Melayu TSFL terdiri daripada pensyarah Jepun yang tetap dan tenaga pengajar bahasa Melayu kontrak. Namun, hanya selepas tahun 1919 barulah pensyarah Jepun mula mengajar bahasa Melayu di Jabatan Bahasa Melayu. Sebelum itu, semua kelas bahasa Melayu dijalankan oleh tenaga pengajar bahasa Melayu yang berasal dari Tanah Melayu. Tenaga pengajar bahasa Melayu di TSFL dalam tahun-tahun awal adalah Ibrahim bin Ahmad (1911-1913), Ahmad bin Ambacc (1913), Bachee bin Wan Chik (1914-1921), Ibrahim bin Pachee (1921-1924) dan Abdul Rani bin Haji Abdullah (1925-1932). Semua tenaga pengajar bahasa Melayu sebelum tahun 1932 adalah orang Melayu yang berasal dari Tanah Melayu. Maka, bahasa Melayu yang diajar di TSFL sebelum tahun 1932 adalah bahasa Melayu yang digunakan di Semenanjung Tanah Melayu.

Di sini saya ingin mengenengahkan riwayat hidup seorang tenaga pengajar bahasa Melayu yang bernama Bachee bin Wan Chik. Bachee dilahirkan pada tahun 1884. Sebagai anak Kampung Baru, Kuala Lumpur, beliau berpendidikan di Victoria Institution, sebuah sekolah menengah Inggeris yang ternama di Kuala Lumpur. Setelah lulus dari Victoria Institution, beliau bekerja dalam perkhidmatan polis di Tanah Melayu dan seterusnya mengajar bahasa Melayu di Kuala Lumpur. Kemudian, beliau berhijrah ke Jepun dan mengajar bahasa Melayu di TSFL dari tahun 1914 hingga tahun 1921. Pada tahun 1921 beliau dianugerahi bintang kebesaran iaitu Bintang Matahari Terbit ke-5 dari kerajaan Jepun atas sumbangan beliau dalam bidang pendidikan bahasa Melayu di Jepun. Selepas itu, beliau berpindah ke Osaka dan mengajar bahasa Melayu di Osaka School of Foreign Languages (OSFL) dari tahun 1922 hingga tahun 1938. Beliau berkahwin dengan seorang wanita Jepun semasa mengajar di Tokyo dan



mempunyai empat orang anak. Walaupun kehidupan beliau setelah bersara dari OSFL tidak berapa diketahui, kemungkinan besar beliau dan keluarga berpindah semula ke Tanah Melayu. Beliau bukan sahaja mengajar bahasa Melayu kepada pelajar Jepun tetapi juga menghasilkan kamus pertama bahasa Melayu-bahasa Jepun yang lengkap. Beliau dan seorang bekas pelajarnya di TSFL iaitu Hiraoka Junzo menyusun dan menerbitkan *Marai-Nihon-go Jiten* (Kamus Bahasa Melayu-Bahasa Jepun) pada tahun 1927. Sumbangan Bachee bin Wan Chik terhadap dunia pendidikan bahasa Melayu di Jepun perlulah dikenang selama-lamanya.

Dua orang tenaga pengajar Jepun iaitu Uehara Kunzo dan Asakura Sumitaka mula mengajar bahasa Melayu di TSFL mulai tahun 1919. Kedua-dua tenaga pengajar tersebut adalah bekas pelajar Jabatan Bahasa Melayu, TSFL, yang belajar bahasa Melayu daripada Bachee bin Wan Chik dalam tahun 1910-an. Uehara Kunzo mengajar bahasa Melayu di TSFL dari tahun 1919 hingga 1924. Uehara seterusnya mengajar bahasa Melayu di Angkatan Tentera Darat Jepun dan kemudiannya bertugas di Indonesia zaman pendudukan Jepun. Beliau menerbitkan beberapa buah buku pelajaran bahasa Melayu pada masa itu. Bachee bin Wan Chik membaca pruf skrip sebahagian buku-buku Uehara. Antara buku-bukunya ialah *Kitab Melayu Huruf Rumi: Yang Pertama* (1920), *Saishin Marai-go Yotei* (Ringkasan Bahasa Melayu Terbaharu) (1941) dan *Hyojun Uehara Mare-go* (Bahasa Melayu Baku: Sistem Uehara) (1942). Manakala Asakura Sumitaka pula mengajar bahasa Melayu dan bahasa Belanda di TSFL, TCFA dan TUFS dari tahun 1919 hingga tahun 1953. Asakura juga menulis beberapa buah buku pelajaran bahasa Melayu. Beliau dan Tokugawa Yoshichika menerbitkan *Marai-go Yonshukan* (Bahasa Melayu dalam Empat Minggu) pada tahun 1937.

Pendidikan Bahasa Melayu ditukar kepada Pendidikan Bahasa Indonesia di TSFL-TCFA-TUFS

Seperti yang telah kita lihat, bahasa Melayu yang diajar di Jabatan Bahasa Melayu, TSFL, sebelum tahun 1932 adalah bahasa Melayu yang digunakan di Tanah Melayu. Namun begitu, mulai tahun 1933 bahasa Melayu yang digunakan di Hindia Belanda atau Indonesia diajar di Jabatan Bahasa Melayu, TSFL. *Nanshin-ron* yang bermaksud Doktrin Menuju ke Selatan menggalakkan perubahan ini. Mengikut *Nanshin-ron* ini, kerajaan Jepun telah memperkenalkan dasar menuju ke Asia Tenggara dan Kepulauan Pasifik. Minat Jepun terhadap kekayaan sumber dan bahan mentah di Asia Tenggara meningkat. Sasaran utama Jepun adalah untuk mendapatkan sumber minyak terutama di Hindia Belanda. Keadaan ini menyebabkan pendidikan bahasa Melayu Semenanjung ditukar kepada pendidikan bahasa Melayu Hindia Belanda di TSFL. Semua tenaga pengajar bahasa Melayu TSFL selepas tahun 1933 adalah orang Hindia Timur atau Indonesia yang berasal dari Pulau Jawa seperti W.J.S. Poerwadarminta (1933-1937), Raden Soedjono (1937-1941) dan Umarjadi (1942-1950).

Setelah meletupnya Perang Dunia Kedua dan Perang Pasifik, Jepun menduduki sebahagian besar Asia Tenggara termasuk Tanah Melayu, Borneo dan Indonesia. Pendudukan Jepun ini meningkatkan lagi keperluan pendidikan bahasa Melayu di Jepun. Namun, pada masa itu pelajar TSFL perlu menyertai kegiatan perkhidmatan buruh dan menjalani latihan ketenteraan selain mengambil kursus di TSFL. Sebahagian pelajar TSFL juga dikerahkan menjadi askar. Keadaan ini mengakibatkan kekurangan waktu pendidikan dan pembelajaran bahasa Melayu bagi pelajar TSFL.

Pada tahun 1944 nama TSFL ditukar menjadi *Tokyo Gaiji Senmon Gakko* (Kolej Hal-ehwal Luar Negeri Tokyo) atau Tokyo College of Foreign Affairs (TCFA). Perubahan nama ini melambangkan bahawa kerajaan Jepun menganggap bahasa asing sebagai alat ekspansionisme Jepun. Selepas Perang Dunia Kedua, TCFA menukar nama Jabatan Bahasa Melayu kepada Jabatan Bahasa Indonesia pada tahun 1946. Selepas itu tidak ada Program Bahasa Melayu di TCFA dan TUFS sehingga



tahun 1984. Akhirnya, TCFA dinaikkan taraf menjadi sebuah universiti sebagai *Tokyo Gaikokugo Daigaku* (Universiti Bahasa Asing Tokyo) atau Tokyo University of Foreign Studies (TUFS) pada tahun 1949. Pada tahun yang sama, barulah TUFS mula menerima masuk pelajar perempuan.

Pendidikan Bahasa Melayu berkembang semula di TUFS

Seperti yang telah kita lihat, perkembangan pendidikan bahasa Melayu dapat dilihat dari sudut hubungan Jepun dengan negara-negara Asia Tenggara. Selepas Jepun menjalin semula hubungan diplomatik dengan negara-negara Asia Tenggara dalam tahun 1950-an, hubungan antara Jepun dengan negara-negara Asia Tenggara termasuk Malaysia semakin erat. Dasar Pandang Ke Timur yang diperkenalkan pada tahun 1982 mengeratkan lagi hubungan Jepun dengan Malaysia.

Dalam situasi demikian, TUFS meminta kerajaan Jepun menubuhkan semula Program Bahasa Melayu Malaysia di TUFS. Hasilnya, Jabatan Bahasa Indonesia-Malaysia ditubuhkan dalam Faculty of Foreign Studies, TUFS, pada tahun 1984. Pada tahun 1992 Jabatan Bahasa Indonesia-Malaysia itu dibahagikan ke Program Bahasa Indonesia dan Program Bahasa Melayu atas nama Program Bahasa Malaysia dalam Jabatan Bahasa Asia Tenggara. Sejak tahun itu, Program Bahasa Melayu diteruskan sampai sekarang walaupun Faculty of Foreign Studies dibahagikan dua iaitu School of Language and Culture Studies dan School of International and Area Studies pada tahun 2012.

Sejak tahun 1984, Program Bahasa Melayu di TUFS diuruskan oleh pensyarah termasuklah Onozawa Jun, Shoho Isamu, Soda Naoki dan Nomoto Hiroki bersama dengan tenaga pengajar bahasa Melayu seperti Anwar Ridhwan, Dollah Ali, Saiful Bahari Ahmad, Faridah Mohamed dan Aznur Aisyah Abdullah. Selain itu, tenaga pengajar bahasa Melayu sambilan seperti Togari Yasuko dan Mohd Farez Syinon Masnin juga menjalankan kursus bahasa Melayu di Program Bahasa Melayu, TUFS. Staf Program Bahasa Melayu telah memberi sumbangan kepada pendidikan bahasa Melayu di Jepun melalui penerbitan buku pelajaran dan kamus bahasa Melayu untuk pembaca Jepun. Terutamanya, Onozawa Jun, Shoho Isamu, Nomoto Hiroki, Faridah Mohamed dan Togari Yasuko telah menerbitkan buku pelajaran bahasa Melayu dan kamus bahasa Melayu-bahasa Jepun.

Kini seramai 50 orang pelajar Program Bahasa Melayu mengikuti kursus bahasa Melayu dan pengajian Malaysia di TUFS. Mereka terdiri daripada pelajar School of Language and Culture Studies dan pelajar School of International and Area Studies. Program Bahasa Melayu menawarkan pelbagai kursus bahasa Melayu termasuk tatabahasa, perbualan, bacaan dan ungkapan serta mata pelajaran Jawi. Pelajar juga diberikan peluang untuk menyertai pelbagai aktiviti di luar kelas seperti Program Kembara Ilmu Inap Desa. Dalam *Gaigo-sai* atau Pesta TUFS, pengurusan gerai antarabangsa dan pementasan drama dalam bahasa asing menjadi amalan tradisi bagi pelajar TUFS. Para pelajar tahun 1 Program Bahasa Melayu menjalankan gerai Malaysia, manakala para pelajar tahun 2 Program Bahasa Melayu mempersembahkan drama Melayu dalam minggu *Gaigo-sai* itu. Hampir setiap tahun pelajar Program Bahasa Melayu, TUFS, menyertai Persidangan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Perdana Menteri atau PABM sebagai wakil negara Jepun. Ada di antara mereka yang dinobatkan sebagai johan kategori antarabangsa.

Kebanyakan graduan Program Bahasa Melayu, TUFS, bekerja di sektor swasta dalam pelbagai bidang seperti pembuatan, perniagaan dan perdagangan, kewangan, pengangkutan, komunikasi, pelancongan, perundingan pengurusan, pendidikan, dan lain-lain. Ada juga yang berkhidmat di sektor awam dalam bidang tertentu termasuk perkhidmatan kerajaan pusat, perkhidmatan kerajaan tempatan, pendidikan dan lain-lain. Graduan Program Bahasa Melayu, TUFS, menyumbang kepada hubungan Jepun dengan Malaysia serta negara-negara Asia Tenggara lain dalam pelbagai bidang.



Kesimpulan

Sebagai penutup, saya ingin merumuskan peranan TSFL, TCFA dan TUFS dalam usaha mengembangkan bahasa Melayu di Jepun. Sejak tahun 1908, TSFL, TCFA dan TUFS mempelopori pendidikan dan pengajian bahasa Melayu di Jepun. Namun begitu, tidak dapat dinafikan bahawa pendidikan bahasa Melayu di TSFL dan TCFA dipengaruhi oleh ekspansionisme Jepun sebelum dan semasa Perang Dunia Kedua. Walau bagaimana pun, selepas tahun 1984 pendidikan bahasa Melayu di TUFS berkembang semula demi membina hubungan yang damai dan tali persahabatan mesra dengan Malaysia serta negara-negara Asia Tenggara lain. Program Bahasa Melayu, TUFS, perlu meningkatkan lagi usaha untuk mengembangkan pendidikan bahasa Melayu dan pengajian Malaysia serta Asia Tenggara demi mengeratkan hubungan Jepun dan Malaysia serta negara-negara Asia Tenggara lain.

Penyataan Etika

Pengarang telah membaca dan mematuhi keperluan etika untuk penerbitan dalam Data Secara Ringkas dan mengesahkan bahawa kerja semasa tidak melibatkan subjek manusia, eksperimen haiwan atau sebarang data yang dikumpul daripada platform media sosial .

Penyataan Kredit Penulis

Profesor Dr. Soda Naoki: Penulis

Penghargaan

Penyelidikan ini tidak menerima sebarang geran khusus daripada agensi pembiayaan dalam sektor awam, komersial atau bukan untuk keuntungan.

Deklarasi Bebas Kepentingan

Penulis mengisytiharkan bahawa mereka tidak mempunyai kepentingan kewangan yang bersaing atau hubungan peribadi yang mempengaruhi kerja yang dilaporkan dalam kertas kerja ini.

Rujukan

- [1] Hiraoka Junzo dan Bachee bin Wan Chik, peny. 1927. *Marai-Nihongo Jiten*. Taipei: Nanyo Kyokai Taiwan Shibu.
- [2] Kato Mihoko dan Furushima Ayako. 2020. *Dososei no Sokuseki: Reimeiki kara Shusen made*. (Scrip Taip).
- [3] Kobayashi Kazuo. 2018. "Daitoa Kyoei Ken Koso to Kokumin no Ajia-go Gakushu: Marai-go no Jirei." *Shakaigaku Hyoron* 69(3): 338-354.
- [4] "Lawatan Saya ke Negeri Jepun." 1933. *Majalah Guru* (Jan. 1933): 3-6.
- [5] Mareshia Kenkyu Shitsu. 2004. "Apa macam? (Do Choshi wa?): Marai-go kara Mareshia-go e." *Tokyo Gaigokai Kaiho* 100: 8-11.
- [6] Moriyama Mikihiro. 2009. "Lord Hunting Tiger and Malay Learning in Japan before the War." In *Lost Times and Untold Tales from the Malay World*, edited by Jan van der Putten and Mary Kilcline Cody, pp. 54-65. Singapore: NUS Press.



- [7] Moriyama Mikihiro. 2023. “Sejarah Perkembangan Pembelajaran Bahasa Melayu di Jepun.”
Wilayah: The International Journal of East Asian Studies 12(2): 3-22.
- [8] Nonaka Masataka, peny. 2008. *Tokyo Gaikokugo Gakkoshi: Gaikokugo wo Mananda Hito Tachi*.
Tokyo: Fuji Shuppan.
- [9] Norliza Jamaluddin. 2016. “Saishin Marai-go You Tei Mekar di Bumi Sakura.” *Dian Bahasa*: 88-110.
- [10] Tokugawa Yoshichika dan Asakura Sumitaka. 1937. *Marai-go Yonshukan*. Tokyo: Daigaku Shorin.
- [11] Tokyo Gaikokugo Daigaku Monjokan, peny. 2023. *Tokyo Gaikokugo Daigaku 150 Nen no Ayumi*.
Fuchu: Tokyo University of Foreign Studies Press.
- [12] Tokyo Gaikokugo Daigaku Shi Henshu Iinkai, peny. 2000. *Tokyo Gaikokugo Daigaku Shi*. Tokyo:
Tokyo University of Foreign Studies.
- [13] Uehara Kunzo. 1941 *Saishin Marai-go Yotei*. Tokyo: Seibi Shokaku.